

Menulis

Isilah petikan prosa di bawah ini. Berdasarkan maklumat dalam petikan tersebut, lengkapkan penulisan dialog perbualan. **SP 3.6.1**

Projek pembinaan kilang yang mula dibangunkan di Kampung Pangkal Gerap telah mendapat perhatian penduduk kampung. Ada pihak yang tidak begitu bersetuju dengan pembangunan yang bakal melanda kampung mereka. Pelbagai alasan telah diberi oleh mereka supaya projek ini dibatalkan.

Walau bagaimanapun, segelintir penduduk berpendapat bahawa pembinaan kilang perindustrian di kampung tersebut mendatangkan pelbagai kebaikan. Mereka menyatakan bahawa pembinaan kilang-kilang tersebut menyebabkan kampung itu semakin maju dan membangun. Penduduknya boleh mencari rezeki kerana banyak peluang pekerjaan yang akan muncul.

Banyak peluang pekerjaan yang akan dapat diisi oleh penduduk di kampung kita ini.

Mereka memberikan pelbagai alasan supaya projek ini dibatalkan dengan serta-merta.

kalau kawasan itu akan didirikan kilang seperti yang dirancang, ada baiknya juga

Azmi: Apakah yang harus kita lakukan? Kawasan kampung kita sudah mula dimajukan.

Naim: Saya mendapat tahu, tok ketua dan beberapa orang penduduk kampung membantah projek tersebut. (1) _____

Musa: Namun, tanah itu bukan milik penduduk kampung kita. Bukan!

Naim: Saya pun tahu mengenai perkara tersebut. Jadi, adakah projek itu akan tetap diteruskan?

Azmi: Ya, nampaknya begitulah. Sudah ada yang datang mengukur itu dan ini.

Musa: Bagi saya, (2) _____

Azmi: Saya setuju. Pembinaan kawasan kilang akan memajukan kawasan kita. (3) _____

Kamus Mini

1. pembangunan – usaha atau kegiatan memajukan dan mengembangkan
2. rezeki – segala sesuatu yang diperlukan untuk hidup, makanan, atau segala yang diperlukan sehari-hari, nafkah
3. membantah – tidak menyetujui pendapat orang lain, menentang, atau melawan pendapat orang lain